



Mohamed Noor menunjukkan sebahagian empat tan sotong yang diperolehi, semalam.

(Foto Rosli Ilham/BH)

# Sotong 'serang' laut Terengganu

Malam bagi pesta cahaya, bawa rezeki ribuan nelayan

BH 10/06/23 M15 21

Oleh Rosli Ilham  
bhnews@bh.com.my

**Dungun:** Kebanjiran sotong 'menyerang' perairan Terengganu tahun ini dianggap agak menghairankan kerana jumlahnya banyak dan membawa rezeki kepada mereka yang turun ke laut.

Nelayan, Mohamed Noor Yusof, 62, yang mempunyai dua buah bot, mendakwa musim sotong tahun ini membawa rezeki kepada ribuan nelayan di Terengganu serta orang ramai yang mengambil peluang memukat dan mencandat sotong.

"Memang banyak sotong tahun ini. Bukan sahaja sekitar Dungun, malah rakan nelayan di Kuala Terengganu, Marang dan Kemaman turut mendakwa berlaku perkara yang sama."

"Pada waktu malam, kalau kita lihat tengah laut sepanjang perairan Dungun, Paka dan Marang bagaikan pesta cahaya," katanya ketika ditemui di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun.

Mohamed Nor bersyukur apabila kedua-dua bot miliknya masing-masing pulang dengan membawa dua tan tangkapan sotong, semalam.

"Sotong mulai banyak pertengahan bulan lalu dengan hasil tangkapan lima tan dan sepanjang



Sotong yang siap dipindahkan dibawa ke Kompleks LKIM untuk dijual.

tempoh bulan Jun ini sahaja saya peroleh sembilan tan tangkapan.

"Musim sotong kali ini juga pelik kerana sotong gemar 'berkandang' (tempat ratusan ribu sotong berkumpul dan bertelur) ketika bulan gelap."

"Biasanya, sotong akan berkandang dan muncul di waktu bulan terang dan tahun ini, ia (sotong) berkandang tanpa mengira bulan gelap dan terang," katanya.

#### Dapat bayar hutang hot

Rakannya, Shahrul Hisham Yusof, 36, bersama empat awak-awak memukat sotong sekitar kawasan kawasan 12 hingga 15 batu nautika dari Kuala Dungun.

"Pendek kata campak saja mata 'candat' dan pukat di mana saja tangkapan sotong akan menge-

"Syukur, sepanjang 15 kali keluar ke laut bermula pertengahan Mei lalu hingga semalam, saya dan awak-awak berjaya menda-

ratkan kira-kira sembilan tan sotong," katanya.

Shahrul Hisham berkata, hasil jualan di antara RM27 hingga RM29 sekilogram, sekali gus mendapatkan rezeki buat dia dan empat awak-awaknya.

"Pendapatan itu dapatlah saya dan awak-awak bayar hutang bot dan buat perbelanjaan pada musim tengkujuh nanti," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Musmahairi Mustaffa, 40, berkata kesempatan itu diambil bersama lima rakannya keluar mencandat sotong.

"Bila dengar sotong banyak, kami menyewa sebuah bot dan keluar mencandat sotong dari jam 6 petang hingga 10 malam dan berjaya membawa pulang tangkapan sotong kira-kira 100 kilogram."

"Kami bahagi-bahagikan sotong itu dan jimatlah perbelanjaan kami kerana sekarang harga sotong sekitar RM28 hingga RM32 sekilogram," katanya.